

Headline	FAMA wujud proses daftar pemasar orang tengah		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	26 Oct 2019	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	20	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	180 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,071
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,214



FAMA wujud proses daftar pemasar orang tengah

KUALA LUMPUR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan mewujudkan proses daftar pemasar untuk orang tengah atau peraih, bagi mengiktiraf peranan golongan itu sekaligus mengatasi isu penindasan petani.

Pengerusi FAMA Ishak Ismail berkata, proses yang dijangka bermula pertengahan tahun depan itu memerlukan orang tengah mendaftar dengan agensi tersebut sebagai pemasar sah yang diiktiraf di bawah Akta FAMA 1965 Akta 141.

"Ada sebahagian orang tengah tak bertanggungjawab, menindas petani kita, mengambil kesempatan menaikkan harga dari ladang hingga harga kepada pengguna meningkat berkali ganda.

"Saya percaya jika orang tengah memainkan peranan dengan profesional, beretika dan nilai integriti yang tinggi mereka mampu menyumbang kepada pemasaran yang cekap dan berkesan,"

katanya kepada pemberita selepas melancarkan program My Best Buy (MBB) 2.0 dekat sini semalam.

Katanya, pelaksanaan itu membolehkan pihaknya mengenal pasti identiti dan maklumat mengenai orang tengah serta memantau aktiviti niaga golongan tersebut.

Selain itu Ishak berkata, ia juga akan dapat menambah baik libat urus antara orang tengah dan agensi pertanian berkaitan serta meningkatkan kemahiran golongan tersebut menerusi latihan profesional yang akan disediakan FAMA.

"Kami sedang meneliti tindakan yang boleh dikenakan terhadap orang tengah tidak berdaftar yang didapati melanggar peraturan selain akan melancarkan pelbagai kempen untuk meningkatkan kesedaran kepada pengguna supaya hanya berurusan dengan orang tengah berdaftar sahaja.

Sementara itu MBB 2.0 yang berkonsepkan pasar,